

Debat Mengenai Negara Sekular Tidak Perlu Dan Tidak Berfaedah - Muhyiddin Bernama
23 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata soal debat sama ada Malaysia diisytihar sebagai sebuah negara sekular atau tidak adalah tidak perlu kerana yang penting ialah negara mengamalkan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan sejak 55 tahun dahulu.

"Perkara yang ada dalam Perlembagaan seperti Islam agama persekutuan dan agama lain juga boleh diamalkan sudah jelas, tidak payah didefinisikan lagi sama ada kita sekular atau tidak.

"Kita pegang pada apa yang ada dalam Perlembagaan, terserah kepada rakyat Malaysia untuk mendefinisikannya supaya tiada polemik yang tidak berfaedah," katanya kepada pemberita Selasa selepas menutup Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pengetua Cemerlang Malaysia 2012 'Pendidikan di Malaysia Melangkaui 2020' dan menyampaikan watakah pelantikan pengetua cemerlang baharu kepada 112 penerima.

Semalam, John Fernandez (DAP-Seremban) di Dewan Rakyat meminta supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menjelaskan mengenai kenyataan yang dibuat oleh tiga bekas perdana menteri iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn yang menyebut Malaysia sebagai sebuah negara sekular dan mengamalkan sistem perundangan berdasarkan 'English Common Law'.

Muhyiddin berkata persoalan mengenai negara sekular itu tidak mendatangkan faedah kerana apa yang utama ialah Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang aman dan membangun.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704255>